

19/04/1999

Isu babi: Mahathir anggap Fadzil tidak adil

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan cemuhan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dikaitkan dengan penjaga babi sebagai tidak adil.

"Amat tidak adil menyebut dia (Abdullah) menjadi penjaga babi dan juga tidak adil kepada saya kerana saya yang melantiknya.

"Kalau kata dia dilantik sebagai penjaga babi, bermakna saya lantik dia jadi penjaga babi dan ini menghina saya dan juga orang lain," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir menjelaskan timbalannya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Wabak Japanese Encephalitis (JE) bagi menyelaraskan beberapa kementerian dalam usaha mencegah wabak JE demi keselamatan dan kesihatan rakyat.

Justeru, tegas Perdana Menteri, fungsi jawatankuasa itu bukan untuk menjaga babi, tetapi mencari jalan mencegah wabak JE yang disebarkan daripada haiwan itu menerusi nyamuk Culex.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil kira segala bentuk tindakan termasuk menghapuskan babi di beberapa ladang di seluruh negara bagi memastikan wabak itu tidak terus merebak.

"Kita bukan saja membunuh babi, tetapi nyamuk kita bunuh juga dan kita perlu jaga keselamatan dan kesihatan rakyat. Jadi, tugas Abdullah bukannya menjaga babi," katanya selepas melawat Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Fadzil yang mengaitkan nama keluarga Abdullah dengan penjagaan babi, baru-baru ini.

Fadzil pada perhimpunan Aidiladha di pekarangan rumah Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Cherok Tok Kun 29 Mac lalu, didakwa berkata: "Abdullah Badawi, satu-satunya Badwi Malaysia. Di Arab, kaum Badwi jaga unta dan kambing, tetapi di Malaysia badwi jaga babi."

(END)